

SIMPANAN UMUM

Lembaran Maklumat Produk



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini bersama dengan Terma dan Syarat Am Produk Simpanan *Wakalah*, Terma dan Syarat Tambahan serta Soalan Lazim sebelum awda membuat keputusan untuk membuka produk ini. Sila dapatkan penjelasan daripada kami jika awda tidak memahami sebarang terma atau mana-mana bahagian dokumen ini.

SIMPANAN UMUM

Maklumat yang diberikan dalam lembaran maklumat produk ini adalah sah pada 14 November 2025

1) Apakah produk ini?

Simpanan Umum ialah akaun transaksi asas digunakan untuk tujuan pemindahan gaji, potongan ansuran pembiayaan dan pembayaran bil.

Akaun bersama kanak-kanak* ialah akaun simpanan asas yang bertujuan untuk membantu kanak-kanak membentuk tabiat menyimpan (rujuk Soalan Lazim)

*Akaun bersama kanak-kanak merujuk kepada akaun bank untuk kanak-kanak yang berumur bawah 18 tahun.

2) Apakah konsep dan struktur Syariah bagi produk ini?

- Konsep Syariah yang digunakan ialah *Wakalah*.
- Penyimpan ("Muwakkil") membuat Perjanjian *Wakalah* dengan Bank ("Wakil") dan memasukkan sejumlah wang ke dalam Bank untuk digunakan dan dilaburkan ke dalam transaksi patuh Syariah yang menguntungkan.
- Penyimpan akan ditawarkan kadar keuntungan jangkaan daripada pelaburan dan Bank akan menerima yuran *Wakalah* bagi perkhidmatan yang diberikan. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ini yuran *Wakalah* adalah diketepikan.
- Apa-apa jumlah yang diperolehi oleh Bank yang melebihi dari keuntungan jangkaan Penyimpan akan disimpan oleh Bank sebagai *Ju'alah* (Komisen).

3) Apakah ciri-ciri utama produk ini?

- Simpanan permulaan minimum BND50.00 (Tiada minimum simpanan permulaan diperulkan untuk akaun *Intrust For*)
- Baki minimum yang perlu dikekalkan dalam akaun ialah BND50.00 untuk layak menerima keuntungan
- Pemindahan dalam talian bagi transaksi simpanan dan pengeluaran

4) Apakah dokumen yang diperlukan untuk memohon produk ini?

- Kad pengenalan asal atau passport
- Sijil kelahiran asal dan/atau Sijil Pengangkatan (untuk akaun bersama kanak-kanak)
- Bukti pekerjaan diperlukan untuk pembukaan akaun kali pertama dan sebarang perubahan kepada pekerjaan (untuk pelanggan sedia ada): Slip gaji terkini, surat lantikan atau ID Kakitangan yang sah (jika berkenaan)
- Bukti alamat diperlukan sama ada dengan lesen memandu yang sah, penyata bank dalam tempoh 3 bulan atau bil utility

5) Apakah terma dan syarat-syarat utama yang lain pada produk ini yang perlu saya ketahui?

Sila rujuk Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am Produk Simpanan *Wakalah* dan Terma dan Syarat Tambahan (jika berkenaan).

6) Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan caj yang dikenakan adalah seperti di dalam Jadual Tarif semasa BIBD yang dipaparkan di laman web BIBD.

7) Apakah risiko-risiko utama?

- Keuntungan yang sebenar hanya dapat ditentukan pada akhir bulan bergantung kepada pulangan atas pelaburan.
- Awda dinasihatkan supaya mempertimbangkan segala faktor risiko dengan teliti sebelum membuka akaun ini.

8) Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat sebarang perubahan pada butiran hubungan saya?

Awda hendaklah memaklumkan BIBD dengan segera sebarang perubahan pada butiran hubungan awda, seperti alamat atau nombor telefon, sila kunjungi cawangan BIBD kami untuk mengemaskini butiran peribadi awda.

Adalah penting untuk awda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butir-butir hubungan awda bagi memastikan agar segala urusan surat-menyurat sampai kepada awda tepat pada masanya.

9) Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan remedi?

Jika awda memerlukan bantuan mengenai produk ini, awda boleh emel Jabatan Resolusi Pelanggan kami di customer.resolution@bibd.com.bn, hubungi Pusat Perhubungan kami di +673 2238181 atau kunjungi cawangan-cawangan kami. Aduan juga boleh dialamatkan kepada:

Unit Resolusi Pelanggan
Tingkat 10, Ibu Pejabat,
Lot 159,
Jalan Pemancha,
Bandar Seri Behawan,
BS8711

Jika awda tidak berpuashati dengan keputusan resolusi kami terhadap pertanyaan atau aduan awda, awda boleh menghubungi Financial Consumer Issues di:

Brunei Darussalam Central Bank
Tingkat 7, Financial Consumer Issues,
Brunei Darussalam Central Bank,
Ministry of Finance and Economy Building,
Commonwealth Drive,
Bandar Seri Begawan

Tel no: +673 2380007
Emel: fci@bdcdb.gov.bn

10) Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?

Pusat Perhubungan kami tersedia 24 jam sehari, 7 hari seminggu di talian +673 223 8181. Sila juga kunjungi laman web kami di www.bibd.com.bn, atau Cawangan kami di:

- Cawangan Ibu Pejabat BIBD
- Cawangan Manggis
- Cawangan Gadong
- Cawangan Tanjung Bunut
- Cawangan Mentiri
- Cawangan Temburong
- Cawangan Tutong
- Cawangan Seria
- Cawangan Panaga
- Cawangan Kuala Belait
- Cawangan Serusop
- Cawangan Muara
- Cawangan Kiulap

11) Apakah produk lain yang serupa dengan produk ini?

- Simpanan Mudah
- Simpanan Bertingkat
- Simpanan Bertujuan
- Simpanan Haji

***Untuk mengelakkan keraguan, jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Lembaran Maklumat Produk, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.**

Nota Penting:

Sila ambil maklum bahawa akaun peribadi awda adalah untuk kegunaan awda sendiri sahaja. Awda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengambil semua tindakan yang perlu untuk memastikan akaun-akaun awda tidak digunakan oleh mana-mana orang/pihak lain untuk menjalankan aktiviti/transaksi penipuan, yang menyalahi undang-undang atau tidak patuh Syara'. Sekiranya pihak Bank menemui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa akaun awda digunakan untuk memudahkan aktiviti/transaksi sedemikian, pihak Bank mempunyai hak untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu termasuk menyekat/membekukan/menutup akaun awda tanpa notis kepada awda.

Nama Kakitangan		Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menjelaskan Lembaran Maklumat Produk (PDS) kepada Pelanggan dalam bahasa pilihan mereka.
No. ID		
Tarikh		

Nama Pemohon Akaun Utama		Nama Pemohon Akaun Bersama	
No. IC		No. IC	
Tarikh		Tarikh	
Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah menerima dan memahami penjelasan yang diberikan dalam Bahasa pilihan saya/kami.		Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah menerima dan memahami penjelasan yang diberikan dalam Bahasa pilihan saya/kami.	
Tandatangan:		Tandatangan:	

Bruneian at Heart

